

25 OCT 2003

Mahathir-Dagangan/I

MALAYSIA JANGKA KDNK TAHUN INI LEBIH BAIK - DR MAHATHIR

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

PORT MORESBY, 25 Okt (Bernama) -- Pendekatan pragmatik Malaysia terhadap perdagangan dan pelaburan serta dasar langkah proaktifnya telah membolehkan negara menangani pelbagai cabaran sejak tahun-tahun kebelakangan ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini pada Sabtu.

Ini termasuk krisis kewangan Asia, wabak Sindrom Pernafasan Akut yang Teruk (SARS) dan ketidaktentuan suasana geopolitik.

"KDNK Malaysia yang sebenar berkembang pada kadar 4.4 peratus dalam suku kedua 2003 dan kita menjangkakan pencapaian lebih baik daripada 4.5 peratus yang diunjurkan bagi keseluruhan tahun," katanya pada Dialog Perniagaan Papua New Guinea-Malaysia sebelum menamatkan lawatan rasmi dua harinya -- yang terakhir sebelum melepaskan jawatan Perdana Menteri hujung bulan ini.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali tiba di sini pada Jumaat dengan diiringi lima menteri kabinet, para pegawai kanan kerajaan dan 40 anggota delegasi perniagaan, bertujuan merapatkan hubungan dengan negara Pasifik Selatan ini. Mereka sebelum itu mengunjungi Timor Leste bagi misi yang sama.

Menteri-menteri berkenaan ialah Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu, Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Turut sama dalam rombongan itu ialah Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali dan Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Zainal Abidin Zin serta diiringi Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke PNG Datuk Kamilan Maksom.

Sambil memberikan penilaian struktur dagangan yang ada, Dr Mahathir berkata banyak potensi bagi perdagangan ditingkatkan.

"Jumlah dagangan Malaysia dengan PNG adalah kecil, dalam tahun 2002 keseluruhannya hanya US\$38.3 juta," katanya.

Eksport Malaysia ke PNG dalam tahun yang sama berjumlah US\$32.4 juta terdiri daripada kebanyakannya mesin memproses makanan, barangan kaca, minyak sawit, baja dan peralatan kejuruteraan.

Import Malaysia dari sini kebanyakannya ialah minyak bijirin, kayu dan koko berjumlah US\$5.9 juta dalam tahun 2002.

Sambil berkata PNG boleh menjadi sumber bekalan alat ganti dan komponen serta bahan mentah bagi Malaysia, beliau menggesa sektor swasta kedua-dua negara menerokai potensi itu.

"Sektor swasta Malaysia dan PNG harus menerokai potensi bagi pembangunan aktiviti hiliran industri perlombongan, petroleum, perhutanan dan perikanan di PNG," katanya.

Buat masa ini, lebih daripada 65 syarikat Malaysia beroperasi di PNG dengan jumlah pelaburan sebanyak US\$395 juta.

Mereka terlibat dalam pelbagai aktiviti termasuk penapisan minyak sawit, perbankan, pembalakan, perkilangan papan dan kegiatan berkaitan, perlombongan, perundingan perniagaan dan pengurusan sumber, pembuatan, pembangunan harta, kegiatan rekreasi, pertanian dan perikanan.

"Kerajaan kedua-dua negara giat dalam meninjau cara-cara meningkatkan kerjasama ekonomi," kata Dr Mahathir.

Beliau menyenaraikan bidang yang kemungkinan kerjasama boleh diadakan seperti bioteknologi, penyelidikan dan pembangunan dalam kepelbagaian bio, teknologi maklumat dan komunikasi, pembangunan sumber manusia dan eko

pelancongan.

"Malaysia konsisten dalam menyuarakan betapa pentingnya negara membangun untuk bekerjasama dan memakmurkan jiran," katanya.

"Ini bukannya bermakna kita tidak mementingkan diri. Ia atas kesedaran untuk kepentingan sendiri juga.

"Apabila jiran makmur kita boleh berkongsi kemakmuran mereka dengan meningkatkan pasaran mereka dan sebaliknya. Juga kita tidak perlu menanggung limpahan masalah mereka," kata Dr Mahathir yang menekankan mesej serupa di Timor Leste, yang sedang memulakan proses pembinaan negara selepas mendapat kemerdekaan Mei tahun lepas.

Perdana Menteri berkata mesyuarat menteri-menteri Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) baru-baru ini di Cancun, Mexico telah memberikan pengajaran amat berguna bahawa suara negara membangun akan didengar jika mereka bercakap dalam satu nada.

"Kita boleh membuat perubahan," katanya.

Negara maju utama telah terlalu lama menggunakan strategi memaksakan kompromi daripada negara membangun, katanya.

"Di Cancun, kita tunjukkan kesabaran kita ada hadnya," katanya.

-- BERNAMA
AZZ KHY RON